

Penterjemahan Pragmatik dalam Konsep Masa Arab-Melayu: Satu Analisis Teori Relevan

MUHAMMAD FAUZI BIN JUMINGAN

*Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia*

Kata kunci: Teori relevan, pragmatik, penterjemahan Arab-Melayu, konsep Masa

ABSTRAK

Masa itu emas. Masa itu seperti pedang. Begitulah konsep masa diungkapkan dalam budaya Melayu dan Arab bagi melambangkan pentingnya konsep masa itu. Dalam konsep masa ini, bangsa Melayu sering dikonotasikan negatif. Sering kedengaran ungkapan Janji Melayu yang melambangkan bangsa Melayu tidak begitu menitikberatkan kepentingan masa. Adakah perkara ini benar? Justeru, makalah ini cuba merungkai permasalahan konsep masa melalui pendekatan pragmatik, khususnya Teori Relevan (TR). Dengan menggunakan faktor-faktor bukan linguistik (ekstralinguistik) seperti faktor konteks, latar situasi, dan niat pengajar, TR dijangka mampu menghuraikan permasalahan ini secara tuntas. Dengan menggunakan data kata pinjaman Arab yang sudah diterima pakai dalam bahasa Melayu, khususnya melalui penterjemahan dan adaptasi, konsep masa Arab-Melayu ini akan cuba dibincangkan.

ABSTRACT

Time is gold. Time is like a sword. Both these proverbs are used in Malay and Arabic culture for showing the significance of time. Unfortunately, the concept of time in Malay culture has been presented negatively. The Malay race is regarded as a ethnic group that not take care about the importance of punctuality. Is it true? This article will try to explain that problem by using a pragmatic analysis especially through Relevance Theory (TR). Based on the TR concept that engaged factors such as context, co-text, and intended meaning, TR is capable of solving the problem of this misconception in Malay culture. In this articles there are some data that are used to discuss some foreign lexical items that were assimilated in Malay vocabulary. Actually, the chosen lexical items were adapted and translated into the Malay language.

PENGENALAN

Masa itu emas. Masa itu kehidupan. Begitulah beberapa ungkapan orang Melayu tentang peri pentingnya masa dalam kehidupan mereka. Malah dalam bahasa Arab juga terdapat madah pujangga yang mengungkapkan masa dalam kehidupan mereka. Antaranya seperti *Waktu itu seperti pedang; kalau tidak digunakan, pedang itu akan memenggal kepala kita*. Malah dalam Islam pun, kepentingan masa terakam dalam satu surah khas yang menceritakan kepentingan masa, iaitu surah al-'Asr. Keprihatinan tentang masa ini sebenarnya melambangkan pemikiran masyarakat yang menuturkan bahasa tersebut. Dengan kata

ini, ungkapan konsep masa sebenarnya melambangkan gaya pemikiran dan bahasa sesuatu bangsa (Reha Mustafa 1999).

Sebenarnya, ada banyak kajian dan tulisan yang membincangkan konsep masa khususnya kajian ilmiah yang dibuat oleh pengkaji tempatan seperti Asmah Hj Omar (1994), Reha Mustafa (1999) dan Nor Hashimah Jalaluddin (2001). Kajian mereka dibuat dari perspektif ilmu linguistik dengan cabang utamanya seperti nahu, sosiolinguistik, semantik, dan pragmatik. Bagaimanapun belum ada kajian yang dibuat dalam konteks penterjemahan. Dalam disiplin terjemahan, konsep masa diungkap dengan cara

yang agak berbeza sedikit kerana penterjemahan melibatkan dua bahasa dan budaya yang berbeza. Oleh itu, makalah ini mencuba untuk menganalisis konsep masa ini dengan beracukan satu teori terjemahan moden, iaitu teori relevan (TR).

PERNYATAAN MASALAH

Sesuatu kajian yang benar-benar ilmiah mestilah dilakukan dengan berdasarkan satu kerangka kerja atau teori yang mapan. Tanpa kerangka kerja ini, kajian itu bersifat awang-awangan. Oleh kerana aspek masa melibatkan bahasa dan pemikiran sesuatu bahasa dan bangsa maka baiknya kajian itu dianalisis dari sudut kerangka teoritis (Nor Hashimah Jalaluddin 2001). Misalnya ungkapan berikut :

Kes 1

Ahmad : Bila engkau nak beraya di rumah aku,

Salim?

Salim : Lepas Maghrib nanti.

Dalam kes 1 di atas, perkataan *Maghrib* yang berasal daripada bahasa Arab adalah waktu yang bermula selepas gelincir matahari di kaki langit dan tamat apabila warna merah di ufuk barat hilang kesemuanya. Atau dengan kata lain, waktu Maghrib tamat apabila masuk waktu Isyak. Manakala dalam budaya Melayu, ungkapan *selepas Maghrib* itu mungkin selepas waktu Isyak. Sudah menjadi kelaziman orang Melayu, sering ‘terlewat’ dalam mengotakan janji waktunya hingga tercipta ungkapan *Janji Melayu* (Nor Hashimah Jalaluddin, 48). Memandangkan perbezaan makna masa dalam kedua-dua bahasa, budaya, dan pemikiran itu tadi berbeza maka TR cuba menganalisis interpretasi dan maksud sebenar ungkapan tersebut dan cara terbaik untuk menterjemahkannya. Lazimnya interpretasi ujaran itu akan dianalisis menurut perspektif ilmu pragmatik melalui TR. Menurut TR, ungkapan itu mengandungi beberapa andaian. Antaranya seperti :

- a. waktu itu betul-betul selepas sembahyang Maghrib, iaitu sebelum waktu Isyak.
- b. waktu itu mungkin selepas Isyak.
- c. waktu itu mungkin selepas Maghrib, tetapi hari yang berikutnya.

Kalau konteks menentukan bahawa Salim ini jenis orang yang menepati janji maka ungkapan Salim akan menghasilkan kesan

konteks, iaitu Salim akan datang tepat pada waktunya, betul-betul selepas Maghrib dan bukan selepas Isyak. Dan kalau sebaliknya maka andaian b) dan c) akan menjadi makna pada semantiknya sahaja, iaitu makna sebenar *Maghrib* itu tetapi juga berdasarkan konteks ia diujarkan. Begitulah TR menganalisis sesuatu ujaran secara deduksi bagi menghasilkan inferens (kesimpulan). Justeru, satu interpretasi tepat dapat dihasilkan.

Oleh itu kajian ini cuba mengkaji masalah seperti:

1. Mencari maksud sebenar sesuatu ujaran yang mengandungi konsep masa dari perspektif bahasa, budaya, dan pemikiran orang Melayu dengan beracukan pendekatan TR. Gabungan ilmu semantik dan pragmatik penting dalam mencari makna sesuatu ujaran. Kebergantungan terhadap ilmu semantik sahaja tidak memadai.
2. Menterjemah konsep masa yang dipinjam daripada bahasa Arab dengan menggunakan pendekatan terjemahan langsung (*direct translation*) seperti yang dicadangkan oleh TR. Pendekatan terjemahan langsung dianggap lebih selamat kerana konsep ini mengelakkan kesemua aspek teks sumber seperti konteks, kesan konteks dan stilistik. Tambahan pula, kejujuran dan kesamaan terhampir dapat dikekalkan dalam pendekatan ini. Oleh itu, ketepatan dalam terjemahan dapat dihasilkan melalui pendekatan terjemahan langsung.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini ialah:

1. Melihat konsep masa dari perspektif bahasa, budaya, dan pemikiran orang Arab.
2. Meninjau penggunaan konsep masa dalam pemikiran dan budaya orang Melayu.
3. Mencadangkan pendekatan terjemahan langsung dalam menterjemahkan konsep masa yang dipinjam daripada bahasa dan budaya asing khususnya bahasa Arab.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya melibatkan kata masa yang dipinjam daripada bahasa Arab dan konsep masa ini telah diterima pakai oleh orang Melayu. Kebanyakan kata pinjaman itu melibatkan istilah masa dalam agama Islam. Antara yang akan dianalisis adalah seperti istilah *al-Fajr* (Fajar), *al-Subh* (Subuh) dan *al-Sahr* (sahur).

KERANGKA KERJA

Kerangka kerja atau metodologi yang akan digunakan adalah bersifat kajian kepustakaan (*arm chair research*). TR akan digunakan dalam kajian ini kerana TR menekankan aspek kerelevan sesuatu ujaran. Pendengar (dalam konteks terjemahan dipanggil pembaca kedua) diberi kebebasan untuk berfikir dalam mentafsirkan sesuatu ujaran yang didengar atau diterjemahkan. Hal ini bersesuaian dengan cara baru berkomunikasi yang menyatakan bahawa manusia ialah insan istimewa yang mampu berfikir dalam mentafsirkan sesuatu ujaran berdasarkan persekitaran kognitif dan konteks yang ada (Sperber dan Wilson 1995). Kemudian, TR akan diterapkan dalam beberapa kata pinjaman masa bagi dianalisis maksud sebenarnya dalam sesuatu ujaran orang Melayu selain menterjemahkan data pinjaman masa itu secara langsung.

DEFINISI KONSEP

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah kosa ilmu yang perlu dijelaskan terutamanya konsep dan pengertian TR. Antaranya adalah seperti berikut:

Konsep Masa

Menurut Kamus Dewan (1992), masa bermaksud waktu dan ketika. Waktu itu mungkin sekejap, agak lama, lama atau tertentu sahaja. Perkataan *masa* berasal daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud bulan. Manakala perkataan *waktu* pula berasal daripada bahasa Arab, iaitu *waqt* (Reha Mustafa 1999). Sebenarnya sukar bagi kita untuk mendefinisikan makna masa kerana ia bersifat relatif dan subjektif. Masa ialah suatu kontinum yang bukan ruang dan berlaku rentetan masa dari masa lepas, masa kini, dan masa depan. Oleh itu, masa tidak dapat diputarkan balik putarannya. Kontinum masa boleh dilihat daripada rentetan masa seperti saat, minit, hari, minggu, bulan, tahun, dekad, kurun, dan alaf. Nama-nama rentetan masa tadi adalah ciptaan manusia yang berkaitan dengan kehidupan mereka (Reha Mustafa, 16-17). Secara ringkasnya, masa bermaksud urutan peristiwa atau tempoh berlakunya peristiwa-peristiwa tersebut.

Teori Relevan

Sesungguhnya TR lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami oleh penutur dan pendengar. Dalam hal ini, penutur (dalam terjemahan dipanggil penulis teks sumber) seharusnya menjamin apa yang dibualkan benar-benar relevan dan mudah difahami memahamkan pendengar (dalam terjemahan dipanggil pembaca kedua). Perbualan itu mesti mencapai kerelevan yang optimal (Nor Hashimah 1992). Apabila sesuatu ujaran itu disampaikan maka menjadi tanggungjawab si penutur memahamkan pendengar (Nor Hashimah Jalaludin, 33). Bagi pendengar pula, dia mencuba memperoleh kesan konteks yang mencukupi dan kesan itu mestilah mudah diperoleh. Tujuannya adalah untuk menggalakkan usaha memproses maklumat yang tidak diperlukan. Hal ini seterusnya menghasilkan definisi TR yang sebenarnya, iaitu:

- 1) Dengan andaian segala perkara seimbang, semakin banyak kesan konteks maka ujaran itu semakin relevan.
- 2) Dengan andaian segala perkara seimbang, semakin sedikit usaha memproses maklumat maka ujaran itu semakin relevan.

Inferens

Menurut TR, komunikasi bukan setakat mengekod, memindah, dan menyahkod maklumat tetapi memerlukan proses inferens iaitu proses membuat kesimpulan dan rumusan terhadap sesuatu maklumat yang ada (Gutt 1998). Misalnya contoh berikut :

Kes 2

Ani : Lama lagi ke si Karim tu?

Tijah : Dia sekarang sedang berurusan dengan Ali.

Dalam perbualan di atas, Tijah tidak menjawab secara langsung pertanyaan Ani. Tijah hanya memberitahu bahawa Karim sedang berurusan dengan Ali. Katakanlah si Ali itu seorang yang mudah berurusan dengannya maka dapatlah disimpulkan bahawa Karim tidak akan lama bersama dengannya. Daripada konteks yang dibekalkan, kita perlu membuat inferens terhadap sesuatu komunikasi seperti kes di atas. Dengan kata lain, menurut TR, makna ujaran mengikut konteks yang ada. Jadi untuk memastikan kejayaan sesuatu komunikasi, konsep membuat kesimpulan iaitu inferens perlulah dibuat (Gutt, 42).

Konteks

Dalam TR, konteks ialah binaan pemikiran yang bersifat psikologi dan kognitif (Gutt 1998). Ia merupakan segugus andaian pendengar atau pembaca kedua/pembaca sasaran (dalam disiplin terjemahan) terhadap alam dunia dan persekitarannya (Sperber dan Wilson 1986). Menurut takrifan ini, konteks meliputi hampir kesemua fenomena dan peristiwa yang dapat ditanggap oleh pemikiran manusia. Konteks juga bukan setakat terdapat pada persekitaran fizikal yang boleh dilihat dan dirasa tetapi juga meliputi ujaran dan ayat terdahulu (untuk maklumat dalam teks), andaian masa depan, hipotesis saintifik, kepercayaan agama, memori silam, budaya sejagat, dan persepsi manusia terhadap sikap dan mentaliti si penutur sesuatu komunikasi (Gutt, 43). Konteks boleh dibentuk dan dikembangkan. Pembentukan konteks boleh mempengaruhi pemahaman sesuatu maklumat. Misalnya manusia tidak mudah mengingati alat dan jenis permainan jika disuruh apakah lagi jika yang ditanya itu ialah warna alat permainan yang pertama sekali dibeli semasa hari jadi. Oleh itu, usaha mengingat maklumat dan keupayaan minda kita memproses maklumat mempunyai kaitan yang rapat. Kesemua itu terangkum dalam konsep dan pengertian konteks.

Konteks yang bersesuaian dapat dikembangkan jika maklumat baru ditambah. Setiap maklumat baru yang ditambah maka ia memerlukan konteks yang berbeza (Nor Hashimah Jalaluddin 1992). Pembinaan konteks adalah bahagian terpenting dalam interpretasi ujaran. Dalam interpretasi ujaran, pendengar akan menetapkan konteks yang sesuai bagi menghasilkan kesan konteks. Kesan konteks ialah andaian awal pendengar tentang ujaran yang didengarnya. Dalam perbualan misalnya, pendengar akan menggabungkan atau memperkuat atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur bagi menghasilkan kesan konteks. Misalnya contoh berikut:

Kes 3 (gabungan maklumat baru dan lama)

Zaiton bangun daripada tidur dengan andaian konteks seperti berikut:

1. Kalau azan subuh kedengaran, dia akan bangun untuk solat subuh.
(Kemudian dia bangun dan kedengaran : konteks sedia ada / lama)
2. Azan subuh sedang berkumandang (konteks baru)

Inferens (Rumusan atau kesimpulan):

3. Zaiton akan sembahyang subuh (gabungan konteks lama dan konteks baru)

Kes 4 (menguatkan konteks baru dan lama)

Zaiton bangun daripada tidur kerana terdengar bunyi suara di menara masjid. Lantas Zaiton membuat andaian iaitu:

1. Azan subuh sedang bergema (andaian awal/ konteks lama).

Tetapi apabila Zaiton membuka matanya dan diamat-amati suara itu, rupa-rupanya ia merupakan:

2. Bacaan al-Quran yang dibaca oleh pak bilal di masjid (konteks sebenar— dengan menggugurkan andaian awal).

Begitulah cara sesuatu konteks dibentuk bagi menghasilkan kesan konteks yang sebenarnya. Dengan kata lain, konteks amat memainkan peranan yang cukup penting dalam menginterpretasi makna sebenar sesuatu ujaran.

Kerelevan optimal

Menurut Sperber dan Wilson (1986 dan 1995), faktor utama kejayaan sesuatu komunikasi adalah dengan mencapai kerelevan optimal sama ada di pihak penutur maupun pendengar. Kerelevan optimal pendengar dicapai apabila 1) pendengar dapat memahami niat dan maksud sebenar penutur tanpa memerlukan usaha memproses yang berlebihan dan tidak sepatutnya, 2) makna yang diniatkan oleh penutur dapat ditangkap oleh pendengar setimpal dengan usahanya memproses maklumat tersebut. Makna atau ‘faedah’ yang dihasilkan oleh pendengar kerana usaha tadi adalah bersifat psikologi, iaitu berdasarkan kualiti dan kuantiti pengetahuan seseorang. Oleh itu, menurut TR, apabila seseorang ingin berkomunikasi, mereka mestilah memastikan bahawa ujarannya mencapai kerelevan yang optimal (Gutt, 43). Hal ini penting kerana interpretasi yang tepat terhadap sesuatu ujaran dapat dicapai oleh pendengar. Justeru, penutur mestilah membekalkan maklumat dan konteks yang secukupnya sebelum berkomunikasi. Misalnya apabila seorang mahasiswa universiti (penutur) yang berbual dengan seorang nelayan (pendengar) maka perbualan mereka mestilah berkisar tentang hal ehwal kehidupan nelayan

seperti cerita tentang laut, ikan, pukat, dan sampan. Kalau diubah topik kepada hal ehwal dunia akademik di universiti maka nelayan itu tidak akan mendapat maklumat yang cukup tentang perkara yang dibincangkan. Lantaran itu perbualan mahasiswa tadi tidak mencapai kerelevan yang optimal. Dengan kata lain, penutur mestilah memandu perbualannya agar komunikasinya dapat difahami oleh pendengar dengan mudah serta berjalan lancar. Dengan kata lain yang lebih mudah, kerelevan yang optimal bermaksud setiap ujaran itu mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin (Nor Hashimah Jalaluddin, 33).

Penggunaan Bahasa Secara Interpretif dan Deskriptif

Dalam TR, terdapat dua jenis penggunaan bahasa secara kognitif, iaitu penggunaan interpretif dan deskriptif. Penggunaan bahasa secara deskriptif bermaksud sesuatu ujaran komunikasi itu dianggap betul dalam sebarang dunia kemungkinan. Manakala penggunaan secara interpretif pula bermaksud sesuatu ujaran yang digunakan untuk menyatakan dan menjelaskan apa yang orang kata dan lafazkan. Misalnya ujaran berikut (contoh berikut diadaptasi daripada contoh Gutt: 44):

Kes 6

- a) Aminah : Ahmad dan isteri pertamanya telah bercerai.
b) Aminah : Talib pernah memberitahu saya, Ahmad dan isteri pertamanya telah bercerai.

Kedua-dua contoh ujaran di atas mempunyai ujaran yang sama, iaitu *Ahmad dan isteri pertamanya telah bercerai*. Dalam ayat pertama (a), Aminah menganggap bahawa kenyataannya tentang penceraian Ahmad dan isteri pertamanya adalah benar. Dengan itu, kenyataan dan ujaran Aminah itu dianggap deskriptif. Bagaimanapun dalam ayat kedua (b), Aminah tidak menyatakan dan mendakwa bahawa Ahmad dan isterinya telah bercerai. Aminah hanya melaporkan dakwaan Talib yang berbunyi *Ahmad dan isteri pertamanya telah bercerai*. Dengan kata lain, Aminah hanya menyatakan semula secara penuh (memetik kata-kata) apa yang pernah dinyatakan oleh Talib. Oleh yang demikian, ujaran Aminah itu dianggap sebagai bersifat interpretif. Dalam

ayat kedua (b), ujaran Aminah tidak dianggap salah sekiranya Ahmad dan isterinya tidak bercerai. Tetapi Aminah akan dianggap bersalah sekiranya Talib tidak pernah berbuat kenyataan tentang penceraian Ahmad dan isterinya; seolah-olah Aminah menipu. Dalam ilmu komunikasi, aktiviti terjemahan dianggap sebagai aktiviti kebahasaan secara interpretif.

Kesamaan Interpretif dan Kejujuran dalam Penterjemahan

Faktor penting dalam penggunaan bahasa secara interpretif ialah hubungan antara kesamaan interpretif (*interpretive resemblance*) ujaran asal dengan pernyataan tentang ujaran itu (dalam disiplin terjemahan ialah kesamaan interpretif teks sumber dan teks Sasaran). Kedua-dua ujaran itu (yang asal dan yang diujarkan semula oleh orang lain) berkongsi makna dan maklumat eksplikatur (tersirat) dan implikatur (tersurat). Perkara ini membayangkan bahawa kesamaan interpretif mempunyai tahap perbezaan (*degree*). Jika kedua-dua ujaran tadi mempunyai kesamaan interpretif yang lebih rapat, berkemungkinan maklumat tersurat dan tersiratnya sama. Petikan kata-kata secara penuh (*direct quotation*) dalam kes 6 (b) di atas menunjukkan kesamaan interpretif (persamaan makna dan maklumat) yang paling tinggi dan rapat dengan ujaan asal. Petikan kata secara penuh tadi pastinya dapat ditafsirkan dan diinterpretasi dalam konteks yang sama dengan konteks ujaran asal (Gutt, 44-45).

Sebaliknya ujaran yang bersifat huraihan, ringkasan, tafsiran, agakan dan andaian dianggap mempunyai kesamaan interpretif yang berbeza (kurang sedikit) dengan ujaran asal berbanding ujaran yang bersifat petikan kata-kata secara penuh tadi. Misalnya jika seorang pelajar ditanya oleh kawannya (yang tidak hadir ke kuliah) tentang kandungan dan isi kuliah yang disampaikan oleh pensyarahnya, mungkin pelajar itu mempunyai beberapa pilihan untuk menjawab pertanyaan tersebut. Antaranya, dia akan menjawab seperti berikut:

1. Dia akan memberitahu secara terperinci isi kuliah tersebut hingga mungkin mencapai kesamaan interpretif yang tinggi dengan isi kuliah asal yang disampaikan oleh pensyarahnya.
2. Dia juga mungkin hanya melaporkan dan memberitahu sebahagian kecil isi kuliah secara terperinci; yang baki mungkin diringkaskan.

3. Dia mungkin hanya memberikan isi-isi utama kuliah tersebut secara ringkas sahaja.

Untuk mencapai kesamaan interpretif, pelajar itu perlu menyampaikan jawapan (1) kerana dia perlu jujur (*faithfulness*) dengan ujaran asal (dalam konteks ini ialah kuliah pensyarahnya). Hal ini kerana pelajar itu akan mencapai kerelevan optimal semasa menjawab pertanyaan kawannya yang tidak hadir ke kuliah. Dengan kata lain, ujaran kita mestilah sejurus dan sehampir mungkin dengan ujaran asal. Dalam penterjemahan yang tergolong dalam kelompok penggunaan bahasa secara interpretif maka konsep inilah yang sepatutnya ditonjolkan. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Wilson dan Sperber (1988 : 137):

...The speaker guarantees that her utterance is a faithful enough representation of the original; that is, resembles it closely enough in relevant respect...

Bagaimanapun, TR yang menekankan konsep kerelevan ujaran dan konteks maka pelajar itu masih boleh memberikan jawapan (2) atau (3) berdasarkan konteks dan kehendak kawannya yang tidak hadir ke kuliah tadi.

Penterjemahan Sebagai Penggunaan Bahasa Secara Interpretif

Menurut TR, penterjemahan tergolong dalam konsep penggunaan bahasa secara interpretif (Gutt, 46). Penterjemahan sebenarnya bermaksud menyatakan semula apa yang orang kata atau tulis tetapi dalam bahasa yang lain. Penterjemahan sering dibandingkan dengan konsep memetik dan melaporkan sesuatu ucapan dan dialog dalam sesuatu bahasa yang sama (*intra linguistic use*). Cuma yang membezakan kedua-dua jenis penggunaan bahasa ini ialah terjemahan melibatkan bahasa orang lain sedangkan petikan dan laporan hanya melibatkan teks dalam bahasa asal sahaja dan tidak melibatkan bahasa orang lain. Oleh sebab penterjemahan tergolong dalam penggunaan bahasa secara interpretif maka ia terpaksa mengamalkan konsep kejujuran (*faithfulness*) dalam menyampaikan warta mesejnya. Dengan kata lain, penterjemahan mestilah sedaya mungkin untuk setia dan jujur dengan teks sumber (Wilson dan Sperber 1998: 137).

Tipologi (Jenis) Teks Sebagai Pedoman Mencari Kerelevan

Sebagaimana segala fenomena kehidupan yang berlaku di dunia ini maka komunikasi manusia juga mempunyai bentuk istilah-istilah tertentu berdasarkan jenis komunikasi yang diujarkan. Misalnya terdapat istilah atau laras bahasa yang berbeza dalam cerita rakyat, novel, cerita kartun, buku ilmiah, dan abstrak kajian ilmiah. Menurut teori komunikasi moden, bentuk dan tipologi teks tadi dapat membentuk niat penutur (dalam teks disebut penulis dan dalam terjemahan dipanggil penterjemah) menghasilkan karyanya. Khalayak (pembaca atau pendengar) dapat menjangkakan idea dan mesej yang ingin disampaikan berdasarkan tipologi teks tersebut. Misalnya jika penutur menyatakan ujaran dalam bentuk laporan maka dia dapat mengagak respons dan reaksi khalayaknya berbanding kalau dia menghasilkan ujaran berbentuk cerita komedi. Dalam TR, jenis dan tipologi teks sebegini akan memandu khalayak mencapai kerelevan optimal dalam komunikasi mereka. Misalnya kalau komunikasi yang dipersembahkan itu berbentuk novel maka yang terbayang di kepala pembaca ialah konsep plot cerita, watak utama (protagonis), watak jahat (antagonis), dan nilai moral yang ingin disampaikan. Oleh itu pembaca tidak akan mempersoalkan ketepatan dan kerasionalan kejadian peristiwa dalam novel dan tarikh-tarikh penting kerana teks itu bukan berbentuk teks sejarawi (Gutt). Justeru, kos memproses untuk memahamkan teks juga tidak banyak. Dan jika teks itu relevan dengan kehendak khalayak maka interpretasi sebenar teks yang dihasilkan oleh penulis itu dapat disingkap. Kesimpulannya tipologi teks akan membantu khalayak mendapatkan kerelevan optimal dalam menginterpretasi sesuatu ujaran komunikasi sama ada komunikasi lisan seperti perbualan ataupun komunikasi bukan lisan seperti novel dan cerpen.

Penterjemahan Langsung

Dalam TR, penterjemahan langsung (*direct translation*) dianggap sebagai petikan kata-kata secara langsung (*direct quotation*). Oleh itu, aktiviti penterjemahan dikategorikan sebagai penggunaan bahasa secara interpretif. Petikan kata-kata secara langsung bermaksud satu contoh ujaran komunikasi yang dilafazkan atau ditulis bagi menyatakan kesamaan terhampir dengan

keaslian maksud teks asal (Sperber dan Wilson, 227). Antara keistimewaan petikan langsung adalah kesamaan dan ketepatannya dengan teks sumber (untuk penterjemahan) bukan setakat pada *apa yang dimaksudkan (makna)* tetapi merangkumi juga *cara bagaimana (stilistik) maksud itu dipersembahkan*. Dalam penterjemahan langsung, segala ciri linguistik teks sumber akan dikekalkan. Dengan itu, khalayak terjemahan mampu menstruktur semula makna teks sumber berdasarkan makna yang diniatkan oleh penulis asal. Hal ini kerana teks sumber mempunyai andaian kontekstual tersendiri yang perlu dikekalkan. Jadi biarlah konteks sumber itu juga dikekalkan dalam penterjemahan (Gutt 1991 : 162). Misalnya contoh berikut:

Kes 7

John eats like a pig. (John makan seperti babi).

Dalam ayat yang mengandungi bahasa figuratif di atas, konsep penterjemahan langsung harus dibuat. Sebenarnya, penulis asal ingin menyampaikan maksudnya kepada khalayak asal, iaitu orang Inggeris mengikut konteks asal teks sumber itu. Penulis asal mungkin tidak menjangka karyanya akan diterjemahkan. Dalam budaya Inggeris, ada beberapa andaian tentang maksud *makan seperti babi* (Gutt, 167). Antara andaian yang ingin dimaksudkan adalah seperti:

- 1) John makan terlalu banyak seperti seekor babi makan.
- 2) John makan gelojoh seperti seekor babi.
- 3) John makan terlalu bising seperti seekor babi hutan.
- 4) John makan terlalu kotor dan jijik seperti babi sedang makan.

Andaian-andaian di ataslah yang ditujukan khas oleh penulis teks sumber kepada khalayak asalnya, iaitu orang Inggeris. Terpulanglah kepada mereka untuk mentafsirkan interpretasi sebenar ujaran itu berdasarkan konteks masing-masing. Yang pasti perbuatan *makan seperti babi* itu adalah perbuatan yang tidak senonoh dan tidak sopan. Itulah kesan sebenar teks asal. Oleh itu, sebagai penterjemah kita terpaksa mengekalkan andaian-andaian dan kesan konteks asal tersebut kerana memang itulah kesan konteks yang ingin disampaikan oleh penulis asal. Maka kita tidak boleh menterjemahkan bahasa figuratif itu sebagai *makan seperti tikus* (dalam budaya Melayu) kerana tikus hanya

melambangkan sifat pengecut dan penakut. Jika adaptasi ini buat maka kesan konteks asal akan hilang. Jadi untuk mencari kerelevan optimal dalam komunikasi maka konsep terjemahan langsung harus digunakan. Hal ini lebih selamat bagi penterjemah sekiranya mereka memandai untuk mentafsirkan makna sebenar takut terjebak kalau salah tafsir. Kalau salah tafsir maka salahlah terjemahan itu. Dengan kata lain, terjemahan langsung adalah langkah paling selamat untuk mengelakkan salah tafsir (Gutt, 165-167).

PEMAPARAN DATA

Seperti yang disebut dalam batasan kajian, terdapat beberapa kata masa bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab. Kata pinjaman ini telah sebatи dan diterima pakai oleh orang Melayu sejak sekian lama. Antara kata masa tersebut ialah :

al-Fajr (Fajar)


Dalam bahasa Arab, *al-fajr* bermaksud tamatnya waktu malam kerana munculnya cahaya Subuh (al-Nahw, Khalil 1991 : 370). Manakala dalam pengertian syariah Islam (hukum fekah) *al-fajr* bermaksud satu waktu tatkala terpancar cahaya dari celah kegelapan malam kemudian cahaya tersebut tersebar di ufuk timur. Cahaya ini dinamakan fajar Sadiq (Reha Mustafa, 86). Fajar Sadiq akan muncul dahulu sebelum masuknya waktu sembahyang subuh. Waktu fajar dianggap sebagai salah satu waktu yang paling diberkati kerana ibadat pada waktu ini akan disaksikan oleh para Malaikat dan mendapat pahala yang besar daripada Allah Ta'ala. Menurut tradisi ilmu Islam, waktu fajar ialah waktu yang paling sesuai untuk mengulang kaji pelajaran kerana ketenangan dan keheningan waktu fajar itu. Inilah makna sebenar Fajar dalam bahasa Arab dan agama Islam.

Orang Melayu sudah menerima pakai perkataan Fajar ini. Cuma apabila konsep masa ini digunakan dalam bahasa dan budaya Melayu maka ia telah diasimilasikan menurut budaya tempatan. Misalnya contoh berikut:

Kes 8

Jali : Bila engkau nak pergi menoreh?
Samad : Sebelum fajar menyingsing.

Dalam kes 8 di atas, apakah yang dimaksudkan oleh ungkapan *Sebelum Fajar menyingsing?* Menurut TR, ungkapan itu



Rajah 1: Ciri dan gagasan kemunculan teori relevan

mempunyai beberapa andaian. Antaranya seperti:

- Betul-betul sebelum waktu Subuh.
- Sebelum terbit Fajar Sadiq.
- Sebelum ayam berkокok.
- Awal pagi, iaitu dinihari (selepas tengah malam).

Dalam hal ini, konteks akan menentukan interpretasi sebenar waktu yang dimaksudkan oleh Samad. Kalau Samad lazimnya pergi ke kebun untuk menoreh getah sebelum ayam berkокok maka Jali akan memahami waktu sebenar Samad keluar dengan mudah tanpa kos memproses maklumat yang tinggi. Dalam hal ini juga, jawapan Samad dianggap telah mencapai kerelevanan optimal dengan syarat Jali telah dibekalkan maklumat yang secukupnya. Maksudnya, Jali tahu benar tentang waktu kerja Samad (mungkin mereka berdua kawan rapat). Kalau konteks menentukan Jali selalu pergi ke kerja pada waktu begitu maka Samad akan membuat inferens (rumusan) seperti dalam andaian c) tadi. Penentuan konteks penting kerana ruang lingkup dan tempoh masa dalam budaya orang Melayu terlalu luas, sukar

ditentukan waktunya secara tepat. Justeru sikap beginilah yang menghasilkan pepatah *Janji Melayu*. Bagaimanapun, TR dapat menyingkap makna sebenar ujaran di atas dengan berdasarkan konteks ayat.

Dan mungkin juga maksud Samad waktu itu awal pagi (andaian-d). Hal ini kerana pokok getah akan mengeluarkan hasilnya dengan banyak pada dinihari. Kemudian si penoreh akan berehat untuk solat subuh sebelum menyambung semula kerja untuk mengumpul getah yang telah ditoreh. Jawapan tepat waktu yang dinyatakan oleh Samad itu adalah berdasarkan konteks, iaitu rutin kerja Samad yang sebenarnya. Apa pun dalam budaya Melayu, makna implisit *sebelum fajar menyingsing* ialah waktu terlalu awal dan lazimnya sebelum waktu subuh. Ciri implisit dalam ujaran di atas agak mudah difahami kerana orang Melayu faham benar akan maksud *sebelum fajar menyingsing*. Oleh itu, usaha memproses maklumat ini rendah di samping konsep konteks yang dapat mencari interpretasi sebenar ujaran tersebut. Jika usaha memproses maklumat rendah dan kesan konteks yang banyak maka ujaran itu akan lebih relevan (Nor Hashimah 2001).

Untuk menterjemahkan perkataan *al-fajr* maka pendekatan TR, iaitu penterjemahan langsung harus digunakan. Penterjemah langsung akan menghasilkan kesamaan dan konteks yang paling hampir dengan teks sumber (Gutt 1991). Oleh itu, kalau teks sumber berbunyi *Zahabtu ila al-hadiqah Fajran* maka terjemahan langsungnya ialah *Saya pergi ke kebun pada waktu Fajar*. Perkataan *fajar* di sini tidak boleh diterjemahkan *pagi* ataupun *Subuh* kerana kedua-dua perkataan ini mempunyai pengertian yang berbeza dalam bahasa Arab. Begitu juga makna dari segi bahasa tadi (*terbitnya Fajar Sadiq*) diberikan maka ini pun tidak dibenarkan. Lagipun istilah Fajar sudah sebatи dan diterima pakai oleh orang Melayu sejak sekian lama.

al-Subh (Subuh)

Dalam bahasa Arab *al-Subh* bermaksud awal permulaan hari siang (al-Nahw, Khalil 1991 : 281). Manakala dalam syariat Islam, Subuh bererti waktu solat Subuh yang bermula apabila terbit Fajar Sadiq (Reha Mustafa, 87). Terdapat perbezaan antara waktu Subuh dan waktu Fajar. Waktu fajar merupakan waktu merupakan waktu pemisah antara malam dengan siang atau antara suasana gelap dengan terang. Manakala waktu Subuh disandarkan pada solat Subuh itu sendiri, iaitu waktu yang terbit selepas waktu fajar (Reha Mustafa, 87). Dengan kata lain, waktu Fajar dan waktu Subuh pasti tidak akan tertembung selama-lamanya.

Dalam bahasa dan budaya Melayu, pengertian dan penggunaan istilah Subuh itu masih sama seperti dalam makna asalnya dalam bahasa Arab. Bagaimanapun oleh kerana orang Melayu terkenal kerana 'Janji Melayunya' maka persepsi penggunaan waktu Subuh agak berbeza sedikit. TR akan mencuba menganalisis masalah ini. Misalnya lihat ujaran berikut:

Kes 9

Syed : Bila engkau nak pergi pasar?

Jamal : Lepas Subuh nanti.

Dalam contoh untuk kes 9 di atas, TR membuat beberapa set andaian tentang maksud masa dalam ujaran itu. Antaranya seperti:

- a. Betul-betul selepas solat subuh, iaitu selepas sarapan pagi.
- b. Selepas mentari pagi naik segalah, iaitu pada waktu duha.

- c. Mungkin juga sebelum masuk waktu Zohor, iaitu sebelum matahari condong sedikit ke arah barat dan menghasilkan bayang-bayang sebarang objek di bumi.

Oleh sebab, penggunaan konsep waktu dalam budaya Melayu tidak tetap maka agak sukar menentukan masa sebenar waktu yang dinyatakan oleh Jamal itu. Tetapi bagi TR ujaran masih boleh difahami dengan berdasarkan konteks. Kalau Jamal ini jenis orang yang menepati janji dan masa (*punctuality*) maka andaian a) akan menjadi interpretasi sebenar ujaran. Lantaran itu, Syed akan membuat kesimpulan (*inferens*) bahawa Jamal akan pergi ke pasar betul-betul selepas waktu subuh, lebih kurang pukul 7 – 8 pagi. Sebaliknya juga jika Jamal dikenali di kalangan rakannya sebagai jarang menepati masa maka andaian c) mungkin menjadi interpretasi tepat bagi ujaran Jamal tadi.

Selain itu, konteks masa dan waktu pasar itu dibuka juga menentukan waktu sebenar pemergian Jamal ke pasar. Kalau pasar itu dibuka pada pukul 8 pagi maka andaian a) relevan untuk menjadi interpretasi sebenar ujaran Jamal. Dan jika pasar itu dibuka pukul 10 pagi (kebanyakan pasar raya dibuka pada waktu ini) maka andaian b) merupakan maksud sebenar ujaran Jamal. Dengan kata lain, dalam TR penutur mestilah membekalkan maklumat yang secukupnya kepada pendengar. Penutur mestilah memandu perbualan tersebut agar kerelevan optimal dapat dicapai. Konteks atau set andaian tadi perlu ada agar kesan konteks dapat dihasilkan. Menurut TR kalau semakin banyak konteks dibekalkan maka kesan konteks mudah difahami tanpa usaha memproses maklumat yang tinggi. Dan jika usaha dan kos prosesnya rendah sedangkan kesan konteksnya tinggi maka ujaran itu lebih relevan (Nor Hashimah Jalaludin, 51).

Selain itu, terdapat satu ungkapan dalam peribahasa Melayu iaitu, *Subuh gajah*. Dalam ilmu semantik, bahasa figuratif itu akan ditafsirkan secara eksplisit, iaitu setakat makna leksikal dan logiknya sahaja ; *subuh* - waktu selepas terbit Fajar Sadiq dan *gajah* - spesies binatang mamalia darat yang terbesar. Itu sahaja yang dapat ditafsirkan oleh ilmu semantik. Tetapi dalam ilmu pragmatik dengan tunjangnya konsep TR maka peribahasa itu harus dianalisis mengikut konteks. Lazimnya orang Melayu akan faham bahawa peribahasa itu masih melibatkan

waktu dan solat subuh. Makna implisit peribahasa ini ialah sembahyang Subuh di luar waktu sebenarnya dan lazimnya pada waktu duha. Dengan kata lain, *Subuh gajah* itu ialah mengqada solat Subuh kerana terlewat bangun tidur dengan tidak sengaja. Dan qada' itu perlu ditunaikan sebaik sahaja kita terbangun daripada tidur. Untuk tujuan analisis, lihat perbualan berikut.

Kes 10

Fauzi : Engkau Subuh gajah ke, Jalil?
Jalil : Apa boleh buat, dah terlewat bangun.

Dalam kes 10 di atas, Jalil masih memahami maksud si Fauzi kerana dia tahu tentang makna implisit peribahasa itu. Lebih-lebih lagi konteks si Jalil yang sememangnya terlewat bangun tidur. Maka Jalil faham benar apa yang dimaksudkan oleh Fauzi. Menurut TR ujaran peribahasa Fauzi mencapai kerelevan optimal kerana ia peka konteks. Penutur sengaja bertanya dalam ungkapan sebegini mungkin kerana memperli (ironi) ataupun cakap berlapik kerana menjaga hati kawan. Yang pasti makna implisit peribahasa itu masih boleh difahami. Selain itu, kesan konteks yang dihasilkan juga tinggi kerana pendengar memang berada dalam situasi terlewat bangun. Pendengar tidak sukar memahami ujaran itu kerana pertanyaan Fauzi memang dalam konteks yang sepatutnya. Dengan kata lain, konteks yang dibekalkan pada pendengar sememangnya cukup. Cukup dalam erti kata bahawa peribahasa itu memang difahami oleh orang Melayu khususnya golongan muda. Jadi tidak ada masalah bagi pendengar menginterpretasi maksud sebenar ujaran itu.

Dalam konteks terjemahan, TR mengamalkan konsep kejujuran dan kesamaan interpretif. Maksudnya bagaimana teks sumber dinyatakan dan ditafsirkan maka teks terjemahan pun begitu juga. Oleh itu, untuk mencapai kesamaan interpretif maka konsep kejujuran mestilah diamalkan. Kejujuran dalam pengertian TR ialah segala bentuk dan ciri teks sumber mesti dikekalkan (Gutt, 11). Antara ciri yang perlu dikekalkan adalah seperti ciri linguistik (semantik dan sintaksis), statistik (gaya pengolahan), konteks, dan kesan konteks. Oleh itu, penterjemahan ungkapan masa dan waktu ini pun harus menggunakan pendekatan terjemahan langsung. Misalnya perkataan *sabahun* yang bermaksud permulaan siang atau waktu subuh

maka makna itu perlu dinyatakan. Dalam konteks ini, terjemahan makan *pagi* kurang sesuai digunakan kerana ruang lingkup dan kontimumnya terlalu luas. Begitu juga ungkapan *Sabah al-khayr* (selamat pagi) yang merupakan kata sapaan yang diucapkan sewaktu bertemu sesiapa sahaja pada waktu pagi. Bentuk sapaan begini merupakan satu penghormatan kepada orang yang disapa. Dalam budaya Arab, kata sapaan ini boleh ditujukan kepada sesiapa sahaja, tidak kira orang Islam ataupun bukan Islam. Hal ini berbeza dengan ungkapan *assalamualaikum* yang dikhkususkan untuk orang Islam. Padanan yang tepat untuk masa *sabah al-khayr* ialah *selamat pagi* dan *Salam Sejahtera*. Manakala ungkapan *assalamualaikum* tidak boleh diterjemahkan menjadi *Salam Sejahtera* kerana konsep penterjemahan langsung mestilah bersifat interpretif dan petikan penuh (*direct quotation*).

Al-Sahr (Sahur)

Dalam kamus Arab, *al-sahr* bermaksud fasa terakhir waktu malam, iaitu waktu malam yang akan tamat sebaik sahaja terbit Fajar Sadiq (al-Nahw, Khalil 1991 : 233). Dalam syariat Islam waktu sahur ini ialah bahagian terakhir malam, iaitu terletak 1/3 terakhir setiap malam (Reha Mustafa, 100). Waktu ini sangat elok untuk *qiyyamullayl* (bangun malam) dan solat tahajjud (sembahyang tengah malam). Pada waktu ini, amal ibadat kita mudah diterima oleh Allah Ta'ala.

Dalam budaya Melayu, waktu sahur sering dikaitkan dengan makan sahur semasa bulan Ramadan. Sebenarnya, sahur itu tergolong dalam kategori masa dan waktu. Makan sahur itu bermaksud menjamah makanan atau meneguk segelas dua air pada waktu terakhir setiap malam Ramadan (dalam budaya Melayu, selepas jam 12 tengah malam dianggap pagi), iaitu sebelum terbit Fajar Sadiq. Orang Islam tidak boleh makan dan minum apabila Fajar Sadiq telah terbit. Dengan kata lain, apabila masuk waktu subuh maka orang Islam dilarang makan dan minum. Begitulah pengertian sebenar *Sahur* dalam bahasa Arab dan syariat Islam. Cuma dalam budaya Melayu ada sedikit asimilasi pengertian itu tetapi masih lagi ada kenamengena dengan makna sebenar sahur itu. Justeru bagaimana TR menganalisis konsep sahur ini dalam pengertian budaya Melayu akan terlihat dalam contoh berikut:

Kes 11

Ibu : Bila engkau nak habiskan kari ayam ni Mat?

Mamat : Waktu sahur nanti emak?

Waktu sahur dalam pengertian orang Melayu ada kalanya bermula selepas jam 12 tengah malam, sedangkan waktu sebenarnya ialah pada detik-detik terakhir sebelum menjelang fajar. Sering kedapatan orang muda yang malas bangun dan masak pada awal pagi akan bersahur pada tengah malam, iaitu sekitar jam 12 tengah malam hingga 3 pagi. Jadi waktu sahur orang Melayu cukup lama, lebih kurang 4-5 jam. Oleh itu, ujaran waktu sahur itu mengandungi beberapa andaian. Antaranya seperti :

- a. Waktu 1/3 terakhir setiap malam, iaitu sekitar 1 jam sebelum masuk waktu Subuh. Waktu ini adalah paling afdal untuk bersahur.
- b. Waktu imsak, iaitu waktu kritikal untuk bersahur. Umat Islam tidak digalakkan bersahur pada waktu ini kerana takut terlajak makan.
- c. Waktu tengah malam, iaitu awal pagi bagi pengertian orang Melayu. Bersahur pada waktu begini kurang mendapat fadilat sahur.

Dalam kes 11, kalau lazimnya keluarga Mamat akan bersahur pada waktu a) maka si ibu akan memahami ujaran Mamat itu. Dalam hal ini, jawapan Mamat akan dikira mencapai kerelevan optimal jika si ibu dibekalkan konteks yang mencukupi, iaitu si ibu tahu waktu sahur keluarganya sendiri. Ujaran Mamat dikira peka konteks kerana Mamat tahu bila ibunya akan bangun memasak dan bersahur. Si ibu pula akan mudah memproses ujaran Mamat kerana maklumat dan konteks yang dibekalkan mencukupi. Dalam TR, jika konteks yang dibekalkan cukup maka kesan konteks tinggi. Justeru, ujaran itu dikira bermanifestasi (jelas) dan relevan (Gutt 1991). Begitu juga jika waktu sahur keluarga Mamat seperti pada andaian b) maka ujaran Mamat tetap relevan buat si ibu kerana si ibu dibekalkan konteks yang secukupnya, iaitu dalam erti kata si ibu memang tahu waktu sahurnya keluarganya. Tetapi orang lain seperti jiran atau kawan Mamat mungkin sukar memahami waktu sebenar keluarganya bersahur kerana tidak dibekalkan konteks yang secukupnya. Maksudnya kawan Mamat tidak tahu waktu sahur keluarga Mamat. Begitulah TR


menganalisis ujaran waktu orang Melayu yang sedia dimaklumi bahawa konsep waktu orang Melayu terlalu ‘luas’ dan sukar ditentukan dengan tepat.

Dalam konteks terjemahan, TR mengamalkan konsep kejujuran dan kesamaan konteks teks sumber (seperti yang dijelaskan sebelum ini). Untuk itu, penterjemah harus tahu akan konteks sebenar sesuatu ayat itu diujarkan dalam teks sumber. Kalau teks sumber menyatakan makna waktu dan masa seperti perkataan sahur maka nyatakan maksud masa, iaitu 1/3 terakhir setiap malam. Jika teks sumber menyatakan perbuatan makan pada waktu sahur maka nyatakan makna setiap malam. Dan jika sahur itu bermaksud perbuatan makan pada 1/3 terakhir malam sebelum subuh tetapi bukan dalam konteks bulan Ramadan maka nyatakan makna tersebut. Dengan kata lain, konteks asas teks sumber harus dikenalkan dalam penterjemahan langsung. Pengekalan konteks asal amat ditekankan dalam TR kerana penterjemahan diklasifikasikan sebagai penggunaan bahasa secara interpretif. Dalam penggunaan bahasa secara interpretif ini, terdapat konsep kesamaan interpretif (*interpretive resemblance*) yang menjadi ciri utama penterjemahan TR (Gutt 1991).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, konsep masa dalam pemikiran bahasa dan budaya Melayu terlalu luas. Terlalu luas maksud bahawa ketepatan masa orang Melayu tidak menentu. Mereka jarang berpegang pada ketepatan masa mereka hingga tercipta ungkapan *Janji Melayu*. Hal ini berbeza dengan orang Jepun yang terlalu berpegang pada ketepatan masa mereka hingga kebanyakan majlis dan aktiviti harian mereka ditentukan dengan konsep masa seperti minit dan jam. Lazimnya kita terdengar mesyuarat orang Jepun bermula pada pukul 8.15 pagi dan tamat pada jam 10.15 pagi berbanding orang Melayu yang suka menggunakan konsep jam sahaja seperti pukul 8 pagi, 10 pagi dan 12 pagi.

Bagaimanapun ketidaktentuan masa dalam budaya Melayu ini dapat diselesaikan dengan pendekatan TR yang mampu menginterpretasi masa dan waktu sebenar dalam komunikasi dan ujaran orang Melayu (*Rajah 2*). Dengan berbekalkan konteks, kesan konteks dan usaha memproses maka TR berjaya mencari makna sebenar ujaran orang Melayu.



Rajah 2: Kebaikan TR dalam penterjemahan konsep masa Arab-Melayu

Selain itu, konsep TR juga dapat diterapkan dalam penterjemahan melalui pendekatan langsungnya. Penterjemahan langsung sesuai digunakan dalam menterjemahkan konsep masa Arab-Melayu meskipun konsep penggunaan masa dalam budaya dan bahasa Melayu agak rumit kerana sifatnya yang luas dan tidak menentu. TR lebih menekankan konteks asal yang terdapat dalam teks sumber kerana itulah sememangnya yang diniatkan oleh penulis asal. Melalui TR, kesamaan interpretif dan kesan konteks yang sama dengan teks dapat dikekalkan dalam teks terjemahan.

RUJUKAN

- AL-NAHW, AL-KHALIL. 1991. *al-Mu'jam al- Arabiya, al-Muyassar*. Tunis. Larousse.
- ASMAH Hj. OMAR. 1994. *Bahasa dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- GUTT, E.A. 1991. *Translation and Relevance: Cognition and Context*. Oxford: Basil Blackwell.

GUTT, E.A. 1998. Pragmatic Aspects of Translation: Some Relevance-Theory Observations. Dalam *The Pragmatics of Translation*. Toronto: Mitilingual Matters Ltd.

NOR HASHIMAH JALALUDDIN. 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

NOR HASHIMAH JALALUDDIN. 2001. *Masa dan Masyarakat Melayu dalam Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

REHA MUSTAFA. 1999. Konsep masa dalam al-Quran: Satu kajian dalam Juzu' Amma. Tesis M.A. Universiti Malaya.

SPERBER dan WILSON. 1986/1995. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.

(Diterima: 22 Ogos 2002)